

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI  
SELAKU PENAUANG GABUNGAN PERSATUAN  
PELAJAR LEPASAN MRSM MALAYSIA (ANSARA)  
DI MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-25  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) KOTA BHARU  
PADA HARI AHAD, 30 OGOS 1998  
JAM 10.00 PAGI**

---

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di majlis yang penuh bersejarah dan mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada ANSARA Kota Bharu dan MRSM Kota Bharu kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan upacara perasmian sambutan ulangtahun ke-25 MRSM Kota Bharu ini.

2. Sesungguhnya, saya gembira dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam menyambut ulang tahun ke-25 MRSM Kota Bharu. Syabas kepada MRSM Kota Bharu kerana telah menjadi salah sebuah institusi pendidikan yang unggul di negara kita sejak 25 tahun yang lalu.

3. Sayajuga suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada MRSM Kota Bharu kerana telah berjaya muncul sebagai salah sebuah institusi pendidikan peringkat menengah yang cemerlang setelah memperolehi keputusan 100 peratus pangkat satu di dalam peperiksaan SPM tahun lalu. Selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1996 dan 1997 MRSM Kota Bharu telah berjaya mengekalkan rekod ini. Insya-Allah, dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak, saya percaya rekod ini akan dapat dikekalkan tahun ini.

4. Sebagai ibu kepada dua orang anak lepasan maktab ini, saya rasa terharu dan bangga apabila melihat lepasan pelajar MRSM Kota Bharu begitu setia kepada institusi yang telah mendidik mereka. Mereka dengan penuh sukarela begitu gembira sekali untuk pulang ke maktab ini bagi sama-sama menyambut perayaan ulang tahun ke-25 ini. Kepulangan ini tentu sekali akan mengeratkan hubungan silaturahim antara semua pihak; guru-guru, kakitangan, bekas

pelajar dan juga kaum keluarga mereka. Kepulangan ini juga sudah semestinya merupakan kepulangan anak ke kampung - umpama "sirih pulang ke gagang" dan "ikan pulang ke lubuk". Di samping itu, kepulangan mereka juga mungkin kerana rasa terpanggil untuk memberi sumbangan sosial, intelektual, kerohanian dan kewangan kepada para pelajar yang ada di maktab pada masa kini. Alhamdulillah, kita berasa bersyukur di atas sikap bertanggungjawab yang telah ditunjukkan oleh mereka ini.

5. Sebagai salah satu agensi Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru, saya gembira melihat MRSM Kota Bharu serta MRSM-MRSM yang lain telah berjaya melahirkan ramai profesional Melayu. Malah, hampir 90 peratus daripada lepasan MRSM telah berjaya di dalam kursus-kursus di peringkat universiti dan profesional. Bagi saya, angka ini merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan.

6. Hari ini, kita dapat melihat lepasan-lepasan MRSM menjawat jawatan-jawatan yang penting di sektor-sektor awam dan swasta. Ada antaranya yang telah mencipta nama di peringkat tanahair dan antarabangsa. Sebagai contohnya, Dr. Azahari Yaacob — lepasan MRSM Kota Bharu — adalah merupakan salah seorang daripada lapan orang pakar jantung dari Institut Jantung Negara yang telah mencipta sejarah perubatan negara apabila berjaya menjalankan pembedahan pemindahan jantung yang pertama di negara kita baru-baru ini. Saya yakin — di samping Dr. Azahari — ramai lagi lepasan MRSM yang telah berjaya di dalam bidang yang diceburi mereka.

7. Saya percaya kejayaan yang dicapai oleh lepasan-lepasan MRSM ini adalah hasil daripada pendekatan pendidikan yang telah dilaksanakan di MRSM iaitu menghasilkan pelajar-pelajar yang serba boleh: pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademiknya, tetapi juga pada masa yang sama menggalakkan supaya mereka juga cemerlang di dalam aktiviti-aktiviti luar darjah. Aktiviti-aktiviti ini berupaya mengasah bakat kepimpinan serta sikap berani menghadapi cabaran di dalam diri pelajar-pelajar tersebut.

8. Tambahan pula sistem yang diamalkan pada masa itu memberi peluang yang secukupnya kepada sistem MRSM untuk mendidik pelajar-pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Sistem ini memberi peluang kepada guru-guru untuk membentuk pelajar-pelajar seperti yang dicita-citakan di dalam matlamat penubuhan MRSM. Walaupun kuantiti yang dihasilkan pada masa tersebut adalah tidak besar tetapi kualitinya boleh dibanggakan. Pada hemat saya, walaupun kita berhasrat untuk menghasilkan kuantiti yang banyak, kualiti produk yang kita ingin hasilkan tidak boleh dikompromikan.

9. Sesungguhnya, kejayaan yang dicapai oleh mereka ini merupakan kejayaan kepada sistem MRSM itu sendiri. Malah ia adalah hasil usaha secara bersama oleh mereka yang terlibat di dalam sistem MRSM; antaranya -- penggubal dasar dan polisi di peringkat Kementerian dan MARA, guru-guru, ibubapa serta kakitangan sokongan. Merekalah yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan ini. Tanpa pengorbanan serta usaha secara bersama ini, tentunya kita tidak akan dapat melihat kejayaan yang telah dicapai oleh mereka. Saya ucapkan tahniah di atas segala usaha dan pengorbanan yang telah disumbangkan selama ini.

10. Dunia kita kini telah memasuki era teknologi maklumat. Mahu tidak mahu asakan teknologi maklumat ini telah mengubah cara hidup kita. Dalam masa yang terdekat ia akan menjadi nadi kepada cara kita berhubungan dalam apa juga aktiviti seharian. Lantaran itu, adalah penting bagi kita untuk menguasainya agar kita tidak ketinggalan. Dalam pada itu kita hendaklah berhati-hati agar teknologi maklumat ini tidak disalahgunakan hingga boleh memudaratkan bangsa dan negara kita.

11. MRSM perlu bergerak selari dengan apa yang telah disasarkan dalam Wawasan 2020. Walaupun Wawasan 2020 merupakan satu wawasan besar, saya percaya jika kita sama-sama mengusahakannya bersungguh-sungguh kita pasti akan mencapainya. Kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara kita sekarang tidak boleh dijadikan alasan untuk kita sangsikan masa depan Wawasan 2020.

12. MRSM mestilah terus melahirkan bakal-bakal cendekiawan Melayu yang tidak hanya cemerlang di dalam bidang akademiknya, malah juga cemerlang di dalam segala bidang agar akhirnya kita dapat melahirkan pemimpin-pemimpin negara, sektor awam dan korporat yang bertaraf dunia, yang berupaya menaikkan nama dan martabat Bangsa Melayu dan negara di kaca

mata dunia. Justeru itu, adalah perlu bagi MRSM untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang lengkap bagi mencapai matlamat dan cita-cita besar dan mulia ini.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ANSARA Kota Bharu dan MRSM Kota Bharu kerana berjaya menganjurkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun ke-25 MRSM Kota Bharu. Akhir kata dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasihani, saya dengan ini merasmikan Sambutan Ulang Tahun ke-25 Maktab Rendah Sains MARA Kota Bharu.

\*\*\*\*\*